

585 vaksin dipulangkan

Dos vaksin keluaran Pfizer-BioNTech tersebut rosak semasa perjalanan dari kilang di Belgium ke Malaysia

Oleh SARINAH MAT KASIM

REMBAU

Sebanyak 585 buah vaksin Covid-19 keluaran Pfizer-BioNTech yang diterima Malaysia sebelum ini dipulangkan semula kerana didapati telah rosak.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, dos vaksin tersebut rosak semasa perjalanan dari kilang di Belgium ke Malaysia.

“Kita dapat semasa dalam perjalanan dari kilang di Belgium ke Malaysia, suhu penyimpanan vaksin tersebut telah berubah.

“Suhu penyimpanan suhu telah meningkat daripada -70 kepada suhu yang tidak boleh diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jadi kita telah pulangkan



FOTO: BERNAMA

Khairy Jamaluddin ketika melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin Klinik Kesihatan Rembau pada Rabu.

semula kepada syarikat Pfizer,” katanya di sini pada Rabu.

Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, jumlah yang dipulangkan itu bagaimanapun masih kecil berbanding lebih 500,000 dos vaksin yang diterima sebelum ini.

Beliau berkata, pihak syarikat akan menggantikan dos vaksin rosak itu dengan yang baru.

Tempat penyimpanan vaksin Pfizer-BioNTech mRNA bagi Covid-19 memerlukan suhu yang sejuk melampau pada takat -70 darjah Celsius bagi mengekalkan penghantaran rantaian

sejuk beku untuk mengekalkan potensi keberkesanannya apabila digunakan.

Dalam pada itu, Khairy memaklumkan pihaknya masih lagi mempertimbangkan pemberian vaksin terhadap atlet termasuk pasukan Liga Malaysia.

“Buat masa ni kita belum bersetuju lagi, dan masih dalam pertimbangan,” katanya.

Khairy berkata, sehingga kini seramai 5 juta rakyat Malaysia telah mendaftar bagi mendapatkan vaksin Covid-19 dan berharap jumlah tersebut akan terus bertambah.